

Headline	Media Perlis. TNB KPXZ dan KPJ berentap		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Dlm Negeri	Page No	28
ArticleSize	267 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 32,880		



### Media Perlis, TNB KPXZ dan KPJ berentap

PENGAMAL media Perlis, pasukan Tenaga Nasional Berhad (TNB KPXZ) Kedah/Perlis dan Hospital Pakar KPJ Perlis berentap dalam perlawanan futsal persahabatan di arena futsal UTC, Kangar, Perlis kelmarin.  
Ketiga-tiga pasukan berkenaan saling

menampilkan aksi menarik sekali gus menyajikan permainan berkualiti yang penuh dengan semangat kesukanan.  
Presiden Persatuan Wartawan Perlis (PWP), Syed Azlan Sayid Hizar berkata, pihaknya mengatur perlawanan persahabatan futsal pada setiap minggu

bagi mengeratkan hubungan dengan pelbagai agensi di Perlis.  
"Selain menerapkan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan ahli, kita juga menjadikan ia sebagai rutin mingguan ahli untuk terus menyemarakkan budaya sukan," katanya.

■ PARA pemain dari pasukan media Perlis, Tenaga Nasional Berhad (TNB KPXZ) Kedah/Perlis dan Hospital Pakar KPJ Perlis bergambar selepas perlawanan futsal persahabatan di arena futsal UTC, Kangar, Perlis kelmarin. - UTUSAN/ ASYRAF MUHAMMAD